

RO5 - JAMBATAN DAN PEMBETUNG

Objektif

Memastikan komponen pada struktur jambatan dan pemetung dan kawasan sekitarnya berada dalam keadaan bersih, penyaliran air yang baik dan selamat untuk pengguna jalan raya.

Skop Kerja

Syarikat konsesi bertanggungjawab menyediakan pekerja, peralatan, bahan, kenderaan dan keperluan sewajarnya semasa menjalankan kerja penyenggaraan jambatan dan pemetung.

Bidang kerja penyenggaraan adalah seperti pembersihan sampah, mengalihkan bahan asing seperti kayu, akar, pecahan batu, tumbuhan liar dan bahan-bahan tinggal/tidak dikehendaki jauh dari kawasan/struktur jambatan dan pemetung dengan menggunakan peralatan yang sesuai.

Kawasan/struktur jambatan dan pemetung tersebut termasuk laluan jambatan, laluan masuk air, *weep holes*, dek jambatan dan pemetung, dan laluan masuk/keluar pemetung.

Prosedur Kerja

- Letakkan papan tanda sementara dan kon keselamatan pada jarak dan bilangan seperti dalam Pelan Pengurusan Trafik (TMP) yang diluluskan. Papan tanda sementara yang disediakan adalah jenis *retro-reflective (engineering grade)*.
- Bersihkan laluan masuk air untuk jambatan dan pemetung daripada sampah dan bahan asing seperti dahan kayu, akar, pecahan batu, tumbuhan liar dan bahan-bahan tinggal/tidak dikehendaki sehingga bersih, kemas dan penyaliran air yang lancar. Kerja pembersihan dijalankan dengan menggunakan peralatan yang sesuai.
- Bersihkan dek jambatan dan pemetung dan sekitarnya daripada sampah dan bahan asing seperti dahan kayu, akar, pecahan batu, tumbuhan liar dan bahan-bahan tinggal/tidak dikehendaki sehingga bersih, kemas dan penyaliran air yang lancar. Kerja pembersihan dijalankan dengan menggunakan peralatan yang sesuai.
- Bersihkan longkang scupper dan paip saluran air daripada sampah dan bahan asing seperti dahan kayu, akar, pecahan batu, tumbuhan liar dan bahan-bahan tinggal/tidak dikehendaki sehingga bersih, kemas dan penyaliran air yang lancar. Kerja pembersihan dijalankan dengan menggunakan peralatan yang sesuai.
- Bersihkan lubang salur air (*weep holes*) meliputi salur masuk, salur keluar dan bahagian dalam salur di abutmen daripada sampah dan bahan asing seperti dahan kayu, akar, pecahan batu, tumbuhan liar dan bahan-bahan tinggal/tidak dikehendaki sehingga bersih, kemas dan penyaliran air yang lancar. Kerja pembersihan dijalankan dengan menggunakan peralatan yang sesuai dan secara berkala.
- Buangkan sisa kerja pembersihan jauh dari kawasan pembersihan.

RO5 - JAMBATAN DAN PEMBETUNG



Lubang salur air (weep holes) yang tidak disenggara dengan sempurna/tersumbat.



Lubang salur air (weep holes) yang tersumbat akibat tumbuhan liar.



Bukaan pembetung yang dipenuhi tumbuhan mampu menghalang kelancaran aliran air masuk/keluar pembetung.



Laluan masuk/keluar pembetung yang bersih akan membenarkan aliran air masuk/keluar yang lancar.

SENARAI SEMAK AUDIT KUALITI PENYENGGARAAN

Klausa	Prosedur Kerja
RO5	PENYENGGARAAN JAMBATAN DAN PEMBETUNG
a	Membersih Dan Membuang Sampah/Pecahan Batu
i	Laluan masuk air untuk jambatan dan pembetung hendaklah dibersihkan dari dahan kayu, akar, pecahan batu dan bahan-bahan tinggal yang lain.
ii	Dek jambatan, pembetung dan sekitarnya hendaklah dibersihkan dari bahan tertinggal.
iii	Longkang <i>scupper</i> dan paip saluran air hendaklah dibersihkan dari sebarang halangan dan bahan yang tidak dikehendaki untuk memastikan pengaliran air yang lancar.
iv	Lubang saluran air (<i>weep holes</i>) di abutmen hendaklah dibersihkan secara berkala untuk memastikannya tidak terhalang oleh bahan asing yang mungkin boleh menghalang aliran bebas air permukaan.